



## BENCANA MUSIM MONSUN TIMUR LAUT (MTL) 2025/2026 : SEKILAS DATA

**5**  
NEGERI

**10**  
DAERAH

**67**  
PPS AKTIF


**2,861**  
KELUARGA

**9,100**  
MANGSA

**3**  
KEMATIAN

\* Data sehingga 18 Disember 2025 jam 6.00 pagi & data kematian adalah kumulatif sejak 13 November 2025

PPS: Pusat Pemindahan Sementara





## PERINCIAN MENGIKUT NEGERI

NEGERI	JENIS BENCANA	DAERAH	PPS AKTIF	KELUARGA	MANGSA	TREND
Pahang	Banjir 🏠	Kuantan	26	2,118	6,470	Meningkat
		Maran	12	222	770	Meningkat
		Pekan	7	150	501	Meningkat
		Rompin	6	96	333	Tidak Berubah
	Tanah Runtuh 🏔️	Cameron Highlands	1	6	22	Tidak Berubah
JUMLAH			52	2,592	8,096	Meningkat
Terengganu	Banjir 🏠	Kemaman	8	111	401	Meningkat
		Dungun	2	59	205	Tidak Berubah
	JUMLAH			10	170	606
Johor	Banjir 🏠	Mersing	3	90	347	Tidak Berubah
		JUMLAH			3	90
Selangor	Tanah Runtuh 🏔️	Gombak	1	8	47	Tidak Berubah
		JUMLAH			1	8
Sarawak	Tanah Runtuh 🏔️	Miri	1	1	4	Tidak Berubah
		JUMLAH			1	1
JUMLAH KESELURUHAN			67	2,861	9,100	Meningkat

\* Trend: Perbandingan dengan data 18 Disember jam 12.00 tengah malam



### SITUASI TERKINI

- Sehingga **18 Disember 2025, jam 6.00 pagi**, terdapat **10 daerah** di lima negeri yang dilanda bencana dengan **peningkatan** jumlah mangsa kepada **9,100 mangsa dalam tempoh 24 jam** (berbanding **2,463 mangsa** pada **17 Disember 2025**). Ia melibatkan **2,861 keluarga** yang ditempatkan di **67 Pusat Pemindahan Sementara (PPS)**. Jumlah PPS yang dibuka juga **meningkat** berbanding **25 PPS** pada **17 Disember 2025**.
- **Tiga daerah paling teruk terjejas** adalah **Kuantan, Pahang (6,470 mangsa), Maran, Pahang (770 mangsa)** dan **Pekan, Pahang (501 mangsa)**.
- Berdasarkan laporan Polis Diraja Malaysia (PDRM), **tiga kematian** telah direkodkan setakat ini yang melibatkan kematian akibat kejadian banjir iaitu **satu di Gua Musang, Kelantan pada 21 November 2025, satu di Tanah Merah, Kelantan pada 26 November 2025** dan **satu di Sepang, Selangor pada 30 November 2025**.



### MAKLUMAT CUACA DAN ARAS AIR SUNGAI SEMASA

- **Tiga stesen meteorologi** yang mencatatkan **jumlah hujan harian tertinggi** pada **17 Disember 2025** adalah **Rompin, Pahang (322.9 mm), Kuantan, Pahang (318.3 mm)** dan **Pekan, Pahang (182.6 mm)**.
- Luruan monsun yang sedang berlaku dijangka berterusan sehingga 19 Disember 2025. Keadaan ini berpotensi membawa hujan lebat berterusan di Semenanjung serta angin kencang dan laut bergelora di Laut China Selatan dalam tempoh tersebut.
- Sehubungan itu, Amaran Hujan Berterusan (Bahaya) telah dikemas kini bagi Pahang timur, manakala Amaran Hujan Berterusan (Buruk) bagi selatan Terengganu, tengah Pahang dan timur Johor serta Amaran Hujan Berterusan (Waspada) telah dikemas kini bagi negeri Kelantan, utara Terengganu, pedalaman Pahang, barat Johor, Selangor, WP Kuala Lumpur, WP Putrajaya, Negeri Sembilan dan Melaka berkuat kuasa sehingga 18 Disember 2025. Amaran Angin Kencang dan Laut Bergelora berkuat kuasa sehingga 18 Disember 2025 bagi Laut China Selatan termasuk perairan Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor Timur.

- Analisis terhadap model-model ramalan cuaca menunjukkan bahawa penumpuan angin dijangka berlaku di Sarawak bermula pada 21 hingga 24 Disember 2025. Keadaan ini akan menyebabkan peningkatan kelembapan yang berpotensi menghasilkan ribut petir berserta hujan lebat dan angin kencang dalam tempoh yang lebih panjang di kawasan tersebut.

**Sumber : Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia)**

- Pada **17 Disember 2025, satu Amaran Banjir** dan **satu Ramalan Awal Banjir** dikeluarkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) yang melibatkan negeri **Pahang** dan **Negeri Sembilan**.

**Sumber : Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)**



### IMPAK

- JMG melaporkan bahawa beberapa kawasan berisiko tanah runtuh di daerah yang sedang dilanda banjir dikenal pasti iaitu Gambang di Kuantan, Pahang; Mersing di Johor; serta Kemaman dan Bukit Besi di Dungun, Terengganu. Kawasan berisiko merujuk kepada hotspot tanah runtuh dan/atau cerun kritikal.
- Bagi kejadian tanah runtuh, tiada insiden baharu dilaporkan di seluruh negara pada 17 Disember 2025. Semua daerah terlibat termasuk Pahang, Johor dan Terengganu dilaporkan tiada kejadian tanah runtuh. Pemantauan berterusan oleh JMG Negeri sedang dijalankan bagi memastikan situasi tanah runtuh dipantau secara rapi.
- Jumlah kumulatif tanah runtuh yang berlaku di seluruh negara sejak bermula Monsun Timur Laut (MTL) adalah sebanyak **22 kejadian**, Selangor mencatatkan bilangan kes tertinggi iaitu sebanyak 12 kejadian, diikuti oleh Perak dan Pahang yang masing-masing mencatatkan tiga (3) kejadian manakala W.P. Kuala Lumpur merekodkan dua (2) kejadian serta Negeri Sembilan dan Sabah yang masing-masing melaporkan satu (1) kejadian.
- Pelaporan JMG tidak merangkumi laluan jalan negeri, persekutuan dan lebuh raya.

**Sumber : Jabatan Mineral dan Geosains (JMG)**



- **Jabatan Kerja Raya (JKR)** telah merekodkan **67 lokasi kejadian bencana** yang menjejaskan infrastruktur jalan raya sehingga 17 Disember 2025, jam 10.00 malam. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 39 lokasi melibatkan Jalan Persekutuan manakala 28 lokasi menjejaskan Jalan Negeri. Kejadian ini berlaku di 10 negeri iaitu Pahang (4 daerah), Perak (4 daerah) dan Kedah (4 daerah). Seterusnya ialah Kelantan (2 daerah), Selangor (2 daerah), Terengganu (2 daerah), Johor (2 daerah) dan Pulau Pinang (2 daerah) manakala Perlis (1 daerah) serta Melaka (1 daerah).
- Jenis kejadian bencana yang paling dominan ialah banjir (29 lokasi), diikuti cerun runtuh (21 lokasi), jalan runtuh (9 lokasi), jalan mendap (6 lokasi), banjir kilat (1 lokasi) serta satu (1) lokasi jambatan rosak atau runtuh. JKR sedang melaksanakan pemantauan rapi dan kerja pemulihan segera.

**Sumber : Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR)**

- **Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)** melaporkan sebanyak **16 institusi pendidikan masih terjejas akibat banjir** di beberapa negeri. Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut: Sarawak (10 sekolah rendah, 1 sekolah menengah), Pahang (2 sekolah rendah, 1 sekolah menengah) dan Terengganu (2 sekolah rendah).
- Selain itu, sebanyak 25 PPS premis sekolah masih dibuka bagi menempatkan mangsa banjir. Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut: Pahang (18 sekolah rendah, 3 sekolah menengah), Johor (3 sekolah rendah) dan Terengganu (1 sekolah rendah).
- Secara keseluruhan, seramai 291 murid masih berada di PPS premis sekolah. Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut: Pahang (266 murid) dan Johor (25 murid).

**Sumber : Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)**

- **Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)** melaporkan setakat 17 Disember 2025, jam 4.00 petang, terdapat **dua (2) fasiliti kesihatan baharu yang terjejas akibat banjir** di daerah Pekan, Pahang, melibatkan satu (1) Klinik Kesihatan dan satu (1) Klinik Pergigian. Klinik Kesihatan Runchang dilaporkan terputus hubungan namun masih beroperasi manakala Klinik Pergigian Padang Rumbia telah dimasuki air dan berpindah operasi ke Klinik Pergigian Peramu Jaya bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan.

- Di lapangan, sebanyak 20 Pasukan Perubatan Kecemasan (EMT) telah digerakkan yang terdiri daripada 11 *Rapid Response Team* (RRT) Kesihatan dan sembilan (9) RRT Perubatan. Pasukan ini ditempatkan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) bagi menyediakan perkhidmatan rawatan perubatan, pemantauan kesihatan dan pencegahan penyakit kepada mangsa banjir.

**Sumber : Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)**

- **Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)** melaporkan sebanyak **51 infrastruktur komunikasi terkesan akibat banjir** di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, hanya satu (1) stesen pemancar di Kemaman, Terengganu masih terjejas akibat genset yang ditenggelami air.
- SKMM bersama penyedia perkhidmatan telekomunikasi akan terus memantau tahap liputan melalui JPBD/JPBN bagi memastikan sebarang gangguan perkhidmatan atau kesesakan talian di PPS dapat ditangani dengan segera.

**Sumber : Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)**

- **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** melaporkan beberapa kawasan di Pahang telah diputuskan bekalan elektrik sebagai langkah keselamatan akibat banjir. Kawasan terjejas adalah di daerah Kuantan meliputi Lorong Seri Damai Jaya 9, Seri Damai Sejahtera, Lorong Seri Damai Jaya 1/13 dan Kolej Islam Kuantan.
- Tiada PPS dilaporkan terjejas bekalan elektrik. TNB telah mengambil tindakan dengan memasang genset di kawasan yang selamat bagi memastikan kesinambungan bekalan tenaga kepada premis penting serta operasi respons banjir.

**Sumber : Tenaga Nasional Berhad (TNB)**



### LANGKAH-LANGKAH KESIAPSIAGAAN OLEH AGENSI KERAJAAN

- NADMA selaku urus setia kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP) akan sentiasa memastikan semua agensi meningkatkan kesiapsiagaan menghadapi bencana di semua peringkat.
- Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) telah diaktifkan di negeri-negeri yang dilanda banjir bagi memastikan PPS dilengkapi dengan kemudahan asas yang mencukupi dan menyelaraskan semua aktiviti tindak balas melibatkan pelbagai agensi.
- Melalui penyelarasan yang dilakukan oleh **NADMA, JPS, SKMM** dan penyedia perkhidmatan telekomunikasi. Sehingga November 2025, **sebanyak 8,312,562 Sistem Pesanan Ringkas (SMS) hebahan amaran awal bencana (SMS Blast)** telah dilaksanakan oleh penyedia perkhidmatan telekomunikasi. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 7,118,973 SMS telah dihantar oleh Pengendali Rangkaian Mudah Alih (MNO) melibatkan CelcomDigi, Maxis, U Mobile, Telekom Malaysia (TM) dan YTL Communications, manakala 1,193,589 SMS telah dihantar oleh Pengendali Rangkaian Maya Mudah Alih (MVNO) iaitu BeOne, RedOne, Tune Talk, HelloSim dan XOX.
- **Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)** telah menyediakan bantuan makanan kepada mangsa banjir di PPS dalam bentuk kit permulaan makanan *retort* yang diagihkan dalam tempoh 24 jam pertama serta makanan *pack food* mengikut keperluan semasa. Selain itu, bantuan lain turut disalurkan kepada mangsa di PPS merangkumi barang keperluan asas bagi memastikan kebajikan mangsa terpelihara.
- Bagi pengurusan bekalan, stok makanan disimpan di Depoh Kuantan, Pahang. Sebagai langkah penambahbaikan keperluan di PPS, JKJ telah melaksanakan mobilisasi makanan *retort* dari Depoh Terengganu ke Kuantan, Pahang melibatkan sebanyak 3,000 pek bagi memastikan bekalan makanan mencukupi dan berterusan.
- **Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)** telah mengoperasikan **Pam Kecemasan Mudah Alih** ke kawasan banjir untuk membantu mengurangkan air dan mempercepatkan proses surut air. Tindakan ini adalah sebahagian daripada langkah-langkah yang diambil untuk mengendalikan banjir di negeri yang terjejas.

- Sebanyak **242 unit pam sedang beroperasi** di negeri yang terjejas manakala **74 unit lagi berada dalam keadaan siap siaga** di negeri-negeri yang terjejas banjir untuk digerakkan mengikut keperluan semasa, Selangor merekodkan jumlah tertinggi dengan 133 unit aktif dan 28 unit siap siaga, diikuti oleh Johor (62 unit aktif, 8 unit siap siaga), Pahang (18 unit aktif, 7 unit siap siaga), Terengganu (12 unit aktif, 13 unit siap siaga), Sarawak (9 unit aktif), serta Sabah dengan 8 unit aktif dan 18 unit siap siaga.
- **Perincian jumlah kekuatan anggota dan aset agensi tindak balas** yang ditempatkan di negeri-negeri dilanda banjir adalah seperti di **Lampiran 1**.
- **Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB)** Pusat meneruskan mesyuarat berkala bagi menyelaraskan serta memantau situasi di negeri-negeri yang terlibat secara langsung.
- **Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC)** yang beroperasi 24 jam setiap hari akan sentiasa memantau situasi cuaca. Amaran bencana akan disalurkan kepada Agensi Tindak Balas dan Pegawai Daerah dari semasa ke semasa.
- Untuk maklumat lanjut, sila layari: <https://portalbencana.nadma.gov.my> dan <https://www.nadma.gov.my>.



### MAKLUMAT PERGERAKAN PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN (NGO)

- Sejak bermulanya Monsun Timur Laut (MTL) pada 13 November 2025, sebanyak **542 pelaporan** misi bantuan daripada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang berdaftar di bawah Rakan NADMA telah direkodkan di **10 negeri**.
- NGO terbabit melaksanakan pelbagai bentuk bantuan termasuk **pengagihan makanan dan minuman, kit kebersihan, khidmat pembersihan, khidmat kaunseling, keperluan tidur, bantuan mencari dan menyelamatkan, sokongan logistik, pasukan perubatan, pengurusan komunikasi** serta lain-lain bentuk bantuan kemanusiaan bagi membantu mangsa banjir di negeri-negeri terjejas.
- Secara keseluruhan, **25,281 sukarelawan** daripada **38 pertubuhan** telah melaksanakan pengoperasian dan pengagihan bantuan tersebut.



## JUMLAH KEKUATAN ANGGOTA DAN ASET AGENSI TINDAK BALAS

BIL.	NEGERI	AGENSI	ANGGOTA	ASET
1.	PAHANG	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	106	4x4/SUV/VAN: 4, BOT: 9, LORI/FRT/LFRT: 4
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	77	4x4/SUV/VAN: 4, LORI/FRT/LFRT: 6
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	579	4x4/SUV/VAN: 39, BOT: 25, LORI/FRT/LFRT: 30
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	39	4x4/SUV/VAN: 1, BOT: 6, LORI/FRT/LFRT: 5
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	82	-
2.	TERENGGANU	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	42	4x4/SUV/VAN: 2, LORI/FRT/LFRT: 4
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	18	4x4/SUV/VAN: 1, BOT: 1, LORI/FRT/LFRT: 2
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	22	4x4/SUV/VAN: 10, BOT: 2
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	65	4x4/SUV/VAN: 3, BOT: 2, LORI/FRT/LFRT: 4
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	12	-
3.	JOHOR	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	15	4x4/SUV/VAN: 1, AMBULANS/EMRS: 1, LORI/FRT/LFRT: 1
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	83	4x4/SUV/VAN: 4, BOT: 5, LORI/FRT/LFRT: 1
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	6	LORI/FRT/LFRT: 1
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	4	-
			<b>1,150</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• <b>4X4/SUV/VAN: 69</b></li><li>• <b>AMBULANS/EMRS: 1</b></li><li>• <b>BOT: 50</b></li><li>• <b>LORI/ FRT/LFRT: 58</b></li></ul>

\* Data sehingga 17 Disember 2025 jam 11.59 malam. Untuk daerah-daerah yang terlibat dengan banjir sahaja.